

HELLO SI RAMBUT KERITING!

Aduh, gelombang rambut si keriting tampak cantik sekali. Berombak. Bergulung seperti spring. Disebabkan fizikal keriting itu, minyak semula jadi yang dihasilkan oleh kulit kepala sukar sampai ke bahagian rambut hujung dan menjadikan rambut rapuh dan kurang kelembapan. Rejimen penjagaan rambut keriting mungkin sedikit rumit tetapi memberikan hasil lebih baik untuk anda tampil penuh keyakinan.

PENULIS: ANIS NOR

PRA-SYAMPU

Ramai wanita tidak mengambil ini sebagai langkah dalam rutin penjagaan rambut. Pra-syampu adalah langkah yang diambil sebelum anda benar-benar bersyampu. Ia melembut dan menguntkai kekusutan rambut lebih-lebih lagi untuk si keriting dan mengelakkan daripada kerosakan ketika proses bersyampu terutama sekali jika rambut anda kusut.

Gunakan minyak perapi selepas pra-syampu. Bahagikan rambut kepada beberapa bahagian bagi membolehkan minyak meresap ke setiap helaian rambut dan biarkan selama 20 minit. Anda juga boleh membalut rambut untuk membiarkan kutikel rambut terbuka dan meresap minyak perapi dengan baik. Jika masa menjadi musuh utama anda, fikirkan hasil yang bakal anda lihat selepas itu. Pengorbanan memang menyakitkan tetapi membuahkan hasil.

LUPAKAN SYAMPU HARIAN

Rambut keriting tidak perlu disyampu setiap hari kerana ia boleh membuatkan rambut anda menjadi lebih kering. Namun, anda boleh menggunakan perapi rambut walaupun anda tidak bersyampu.

PILIH IKUT KEPERLUAN

Rambang mata melihat deretan syampu yang dijual di rak kedai, tambah-tambah lagi haruman yang menggoda jiwa. Tetapi, anda tidak boleh membeli dengan sewenang-wenangnya. Apa yang anda perlukan adalah syampu yang lembut dan mengandungi kelembapan tinggi untuk memelihara kulit kepala. Ingat, perjalanan minyak yang dihasilkan kulit kepala untuk sampai ke hujung rambut sangat bergelombang. Jadi, ia memerlukan masa untuk hasil terbaik.

ASINGKAN RAMBUT

'Pembahagian' rambut ketika bersyampu sangat penting untuk memudahkan anda meramas dan merapi rambut keriting. Bahagikan rambut kepada empat bahagian dengan menggunakan penyepit rambut. Picit syampu sedikit demi sedikit, begitu juga dengan perapi. Melalui cara ini, setiap helaian rambut akan mendapat vitamin yang secukupnya dan sama rata.

TERAPI AIR DINGIN

Gunakan air dingin untuk memastikan kelembapan rambut sentiasa terpelihara. Barulah rambut tampak bersinar dan kurang kusut.

GUNAKAN PERAPI DENGAN BANYAK

Selepas bersyampu, anda wajib menggunakan perapi. Pilih perapi dari formulasi glycol, glycerin dan minyak. Anda memerlukan protein dengan asid amino atau keratin agar akar rambut menjadi kuat. Gunakan sikat jarang dan sisir sehingga setiap helaian rambut mendapat perapi secukupnya.

JADILAH HAIR JUNKIE!

Sukar untuk memberi keseimbangan di antara kelembapan dan protein. Jika terlebih salah satu, rambut mula menjadi terlalu berminyak atau terlalu kering. Jadi anda perlu mencuba pelbagai jenis perapi untuk mendapatkan satu perapi dan syampu yang benar-benar sesuai.

RAMBUT BEBAS KUSUT

Pemilihan tuala rambut juga memainkan peranan untuk memelihara rambut. Untuk mengekalkan alunan keriting, pilih gentian mikro serat atau kain kapas lembut untuk membasmi kelembapan berlebihan.

VITAMIN TERBAIK

Untuk rambut keriting yang mudah kering, berikan nutrisi rambut tambahan dengan vitamin. Pilih vitamin yang mengandungi ekstrak vitamin E kerana rambut memerlukan lembapan.

SISIR KETIKA BASAH

Berbeza dengan rambut lurus, rambut keriting perlu disisir ketika basah. Mengapa? Jika disisir ketika kering akan membuat rambut keriting mudah patah dan kusut. Selain itu, bentuknya akan berubah dan tidak mengembang seperti biasa. Gunakan sikat bergigi jarang dan mulakan dari hujung rambut hingga ke atas. Kemudian, keringkan secara semula jadi atau menggunakan *diffuser*. ■